



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 15 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI USAHA STABILKAN HARGA MAKANAN HAIWAN, KEDAH, HAKAKAH-H17 HOW TO REDUCE BEEF IMPORTS, VIEW, TS-14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	BAKTERIA SE DARI LADANG CES 008, NASIONAL, SH-6 ORANG RAMAI DINASIHATKAN TIDAK MEMBUAT PEMBELIAN PANIK, NASIONAL, SH-6 SELANGOR TELITI ARAHAN SINGAPURA BERHUBUNG PENARIKAN TELUR AYAM, NASIONAL, SH-6 FIRM'S EGG EXPORTS TO S'PORE HALTED, NATION, NST-7 LARANGAN JUAL TELUR LADANG CES 008, NEGARA, KOSMO-16 JANGAN CUBA NAIKKAN HARGA, LOKAL HM-17 JPV, LARANG JUAL TELUR DICEMARI BAKTERIA SE, NASIONAL, BH-6 HARGA TELUR MERUDUM, DALAM NEGERI, UM-31 TINDAKAN KEJAM PANAH ANJING DIKECAM, DALAM NEGERI, UM-29 LELAKI DIRAKAM PANAH ANJING LIAR, NEGARA, KOSMO-11 2 DARIPADA 364 SAMPEL DICEMARI SALMONELLA ENTERITIDIS, NASIONAL, BH-6 DUA LELAKI DISYAKI PANAH ANJING KENA TAHAN, NASIONAL, BH-19 REPORT LODGED AGAINST MAN WHO SHOT AND KILLED DOG WITH AN ARROW, NATION, TH-11 MONITORING OF SE IN CHICKEN EGGS ONGOING, NATION, NST-7 SELANGOR TO KEEPS TABS ON EGGS SUPPLY, NEWS WITHOUT BORDES, THE SUN-3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
18.	NAFAS BANTU 5,800 PELAJAR, NASIONAL, SH-20	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
19. 20.	MARITIM TAHAN BOT TANGKAP IKAN DI ZON LARANGAN, NEGERI N.SEMBILAN, PERAK, P.PINANG, SH-24 EMPAT NELAYAN MYAMMAR DITAHAN, NEGERI N.SEMBILAN, PERAK, P.PINANG, SH-24, SH-29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
21.	LKIM AWASI, PANTAU AKTIVITI DI JETI NELAYAN, NEGARA, KOSMO-2	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
22.	PEKEBUN, PELADANG DIBERIKAN ILMU PERTANIAN, TERENGGANU, HAKAKAH-H21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
23.	PULUT LAGENDA PRODUK BAHARU LANGKAWI, NEGERI KEDAH, SH-28	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
24.	ORKID HIBRID SEMPENA NAMA RAJA PEREMPUAN PERLIS, KOMUNITI KITA, UM-42	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
25.	AGROBANK PERKENAL JADUAL KERJA FLEKSIBEL, BISNES, HM-23	AGROBANK
26.	KHIDMAT KURIER KHAS HANTAR "IKON PERLIS", DALAM NEGERI, UM-13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
27. 28. 29. 30. 31.	MENGAPA HARUMANIS MAHAL? DALAM NEGERI, UM-13 TAK SESUAI UNTUK KENCING MANIS, DALAM NEGERI, UM-13 KELANTAN AID 60 SUGARCANS FARMERS, NEWS IN BRIEF, NST-10 20 TAN LAMBAKAN STRAWBERI SEMINGGU, DALAM NEGERI, UM-12 HANYA 'LALAT' MASUK KE AP, DALAM NEGERI, UM-12	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFI usaha stabilkan harga makanan haiwan

ALOR SETAR: Kenaikan harga isirung kelapa sawit yang merupakan salah satu bahan dalam penghasilan makanan haiwan menyebabkan harga makanan haiwan ternakan naik secara tidak langsung.

Apatah lagi melalui pasaran terbuka serta kontrak negara luar bersama penge-luar yang menawarkan harga lebih tinggi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, kementeriannya berusaha menstabilkan harga makanan haiwan ternakan itu walau pun pihak pengeluar ditawarkan dengan harga lebih tinggi dari pengimpot.

"Isirung kelapa sawit memang dihasilkan di dalam negara kita tapi kebanyakannya di eskport ke luar negara kerana penge-luar mempunyai kontrak di sana selain harga ditawarkan lebih baik.

"Kementerian cuba berbincang dengan pengeluar supaya sebahagian isirung dapat dikekalkan di dalam negara dan menstabilkan harga bahan makanan haiwan ternakan," katanya dalam satu sidang media di sini, Selasa lalu.

Katanya lagi, pihaknya juga telah mengadakan perbincangan melibatkan beberapa pihak dan agen-



Dato' Che Abdullah Mat Nawi bersama melayan pelanggan Ayam Bismi semasa jualan promosi produk ayam syarikat berkenaan.

si lain bagi mengatasi harga makanan haiwan ternakan itu yang kini meningkat sekitar tiga hingga lima peratus.

Di samping itu para pen-temak digalakkan mena- nam dan mengusahakan sendiri bekalan makanan haiwan seperti rumput na- pier untuk menampung keperluan semasa.

"Kementerian juga se- dang berbincang dengan pelbagai agensi berkaitan untuk meningkatkan pen- anaman jagung yang juga boleh dijadikan sebagai makanan haiwan.

"Insya-Allah kita juga akan melawat dan bertemu para pengeluar isirung ke- lapa sawit dalam masa ter- dekat untuk mendengar

sendiri masalah yang diha- dapi mereka sehingga me- nyebabkan harganya me- ningkat," jelas beliau.

Dato' Che Abdullah dalam rangka lawatannya ke Kedah turut melawat Kilang Pemprosesan Ayam Bismi, di Simpang Empat, Kuala Kangkong untuk me- lihat sendiri proses pengel- uaran ayam halal lagi ber- sih syarikat terbabit yang menjadi pembekal ter- unggul di ufara Semen- jung.

Bismi Empire Sdn.Bhd yang beroperasi lebih dari 30 tahun setakat ini mampu membekalkan 15 ribu ayam segar sehari samada un- tuk diedarkan kepada pem- bekal atau dijual di pusat- pusat jualan miliknya.

How to reduce beef imports

THE Agriculture and Food Industry Ministry (Maf) recently discussed its draft agriculture and food policy, the National Agro-Food Policy 2.0 ("Safeguarding our food security", *The Star*, March 12; online at bit.ly/star_security). The main points include enhancing food security, using IR4.0 (Industrial Revolution 4.0) technology, conforming to the SDGs (Sustainable Development Goals) and promoting high value agriculture.

The motivation behind the National Agro-Food Policy 2.0 (NAP) is to reduce the country's growing dependence on food imports and make agriculture a viable sustainable business through the use of IR4.0 technology. There have been a number of national agriculture policies before – unfortunately, not much was achieved under them.

It is now common knowledge that closing the food import gap, which runs into billions, remains unresolved. The sector that leads in shortages is beef and dairy products. Previous attempts by the government to produce beef locally fell short of expectations for one reason or another. One hopes an initiative in dairy by sovereign wealth fund Khazanah has a better outcome.

One major contributing factor to past failures in the beef and dairy sector, as discussed in various analyses, is poor management. We are not short of good ideas when it



Electric The Star

should be mandatory, making the project transparent to the public. Management issues have often derailed projects like this. There will also be strong challenges from existing players in the beef supply chain, so strategies will be needed to overcome such obstacles.

According to one study, the targeted self-sufficiency level of beef at 33% by 2020 would entail the annual slaughter of 0.7 million cattle. Independent smallholdings would struggle to deliver this with their low production inputs, lack of husbandry innovations and poor marketing network.

With six million hectares of oil palm, a sizeable population to deliver such a target is realistic in an integrated beef and palm oil production system. Products such as palm kernel cake and oil palm fronds have the potential to fully feed cattle.

That study has suggested that strengthening the value chain in everything from breeding stock use to marketing of animals and retail products is a much needed approach to promote and expand the beef industry in this country. The NAP 2.0 should seriously consider this.

ing weeds without the use of chemicals. However, uncontrolled theft led to the failure of the project and there has been no more interest in sheep after that.

Apparently, studies show that cattle are more adaptable to the oil palm environment than sheep. The NAP may want to relook this option.

There have been suggestions for agencies like Felcra or Felcra to helm a national-level cattle-rearing project. It should be classified as a mega agriculture project, and therefore given the same strong support as mega projects such as the ECRL (East Coast Rail Link) and the like.

There must be a dedicated, well-funded entity to oversee the project, not just a department in Maf. Regular progress reports

comes to planning. But somehow, when it comes to implementation, we continue to face problems. Some blame cronyism and nepotism, with projects handed to people who lack the necessary expertise and experience to deliver.

There was one idea mooted earlier by the nation's livestock experts that has yet to take off: Using the nation's vast oil palm areas to rear cattle for beef. Some entrepreneurial smallholders have done this and, according to reports, achieved some measure of success. The income from such ventures helps to tide them over times of low palm oil prices.

One plantation group attempted to rear sheep under oil palms. Referred to as "sheep labour", the animals proved a big help in clear-

**PROF DATUK
DR AHMAD IBRAHIM**
Fellow, Academy
of Sciences Malaysia

Hanya satu daripada 10 ladang telur ayam Lay Hong Berhad eksport bekalan ke Singapura

Oleh RAJA NUR FAZNE AIDA

SHAH ALAM

Bakteria SE dari ladang CES 008

Jabatan Perkhidmatan Veterinar memaklumkan hanya satu daripada 10 ladang kepunyaan Lay Hong Berhad iaitu CES 008 yang mengeksport telur ke Singapura sebelum ini.

Jabatan tersebut dalam satu kenyataan memaklumkan, keputusan itu diketahui selepas membuat perbincangan bersama syarikat terbabit pada Ahad.

Menurutnya, syarikat berkenaan bersetuju untuk melaksanakan tindakan pembetulan dan pemantauan lebih kerap di samping meningkatkan kawalan biosekuriti.

"Terdapat 10 ladang ayam yang terdiri daripada dua ladang pullet dan lapan ladang ayam penelur milik syarikat Lay Hong Berhad. Namun, hanya satu ladang iaitu CES 008 yang mengeksport telur ke Singapura," menurut kenyataan itu pada Ahad.

Pada Sabtu, Singapura mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik pasaran telur yang dihasilkan dari sebuah syarikat di Malaysia sebagai langkah berjaga-jaga.

Agensi Makanan Singapura (SFA) dalam laman sesawang mereka menyatakan, arahan itu dibuat berikutan penemuan Salmonella Enteritidis (SE) pada produk terbabit yang boleh menyebabkan penyakit jika makanan itu dimakan

secara mentah atau separuh masak. Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan menjalankan siasatan lanjut di ladang berkenaan bagi mengenalpasti punca pencemaran SE pada telur.

Menurut jabatan tersebut, siasatan termasuk membuat daya jejak sumber jangkitan SE dan menjalankan penyiasatan penyakit.

"Kami juga akan menyemak rekod pemvaksinan, pengeluaran telur dan rekod program surveilan penyakit di ladang.

"Ia termasuk pensampelan seperti sampel persekitaran, kloaka, makanan ternakan, air minuman dan telur) untuk pengesanan SE," katanya.

Dalam kenyataan sama, jabatan berkenaan memberitahu, telur keluaran ladang CES 008 tidak dibenarkan dijual di pasaran tempatan sebagai telur sajian (table egg) sehingga keputusan siasatan diperolehi.

"Telur daripada ladang ini hanya untuk penghasilan produk telur yang melalui rawatan haba (heat treatment) di kilang pemprosesan syarikat yang terletak di Kapar dan Meru, Selangor," katanya.

Tegasnya, penggantungan CES 008 ke Singapura tidak akan menjejaskan pengeksportan lain-lain ladang ke Si-



Keratan Sinar Harian pada Ahad.



Telur berocap CES 008 yang dikesan mengandungi bakteria SE.

ngapura termasuk bekalan untuk pasaran tempatan.

"Melalui Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan, Salmonellosis merupakan salah satu penyakit yang dipantau di semua ladang ayam di Malaysia," katanya.

MENGENAI SALMONELLA

- Bakteria genus rod, Gram-negatif, tidak membentuk spora.
- Bergerak bebas (motilia) enterobakteria.
- Memperoleh tenaga daripada oksidasi dan reaksi penurunan menggunakan sumber organik dan organisma anaerobik fakultatif.

Punca

- Manusia
- Halwan perosok (tikus, lipas dan lalat)
- Halwan liar dan halwan peliharaan

Makanan yang biasa dikaitkan dengan bakteria ini:

- Daging ayam dan produk yang berasaskan ayam
- Telur dan hasil telur
- Susu dan hasil tenusu (keju, krim, kastard dan susu mentah)

Cara rebakan

- Pencemaran silang daripada makanan dan daging mentah ke makanan yang dimasak semasa penyediaan atau penyimpanan.
- Pencemaran silang pengandul makanan daripada halwan.

Tanda-tanda

- Demam
- Cirit berit
- Sakit perut
- Muntah
- Loya

Tempoh langkitan

- Antara 6 jam ke 72 jam (kebiasaannya 12 hingga 36 jam)

Cara pencegahan

- Masak daging, ayam dan telur dengan sempurna (melebihi 75 darjah Celsius)
- Elakkan memakan daging atau stik yang mentah atau separuh masak
- Gunakan peralatan yang berasingan (pisau, papan pemotong) untuk daging mentah dan yang telah dimasak
- Simpan makanan mentah dan yang telah dimasak dalam bekas yang berasingan
- Cuci tangan selepas menyentuh halwan
- Cuci tangan sebelum, semasa dan selepas mengendalikan makanan

(Sumber: <http://www.myhealth.gov.my/>)

Selangor teliti arahan Singapura berhubung penarikan telur ayam

SHAH ALAM - Kerajaan negeri Selangor akan meneliti tindakan Singapura yang mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik pasaran telur yang dihasilkan dari sebuah syarikat tempatan di Jeram, Kuala Selangor.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perkara itu perlu disemak dengan teliti kerana melibatkan isu dagangan antara dua negara. "Itu (tindakan Singapura tarik balik pasaran telur) kena tengok balik kerana ia melibatkan trade antara dua negara.

"Saya akan semak balik," katanya ringkas ketika ditanya mengenai perkara berkenaan.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Pasar Moden Sri Muda Shah Alam di Seksyen 25, pada Ahad.

Singapura pada Sabtu telah mengarahkan empat pengimport menarik balik pasaran telur yang dihasilkan di sebuah syarikat di Jeram, Kuala Selangor sebagai langkah berjaga-jaga.

Agensi Makanan Singapura (SFA) dalam laman sesawang mereka menyatakan arahan itu dibuat berikutan penemuan Salmonella Enteritidis (SE) pada produk tersebut yang boleh menyebabkan penyakit jika dimakan secara mentah atau separuh masak.

Orang ramai dinasihatkan tidak buat pembelian panik

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menasihati orang ramai supaya tidak melakukan pembelian panik telur ayam berikutan laporan arahan penarikan balik ke atas sebuah syarikat Malaysia daripada pasaran Singapura.

KPDNHEP dalam satu kenyataan berkata, pihaknya sedang membuat penilaian kesan ke atas bekalan telur di pasaran domestik dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Menurut KPDNHEP, setiap kementerian sedang bertindak mengikut bidang kuasa masing-masing.

"Fokus tindakan di bawah KPDNHEP adalah pemantauan rapi terhadap kedudukan bekalan telur di pasaran susulan isu tersebut.

"Pemantauan bekalan diperingkatkan di setiap rantaian peng-

edaran dan pembekalan telur untuk mengesan kawasan-kawasan yang dijangka terjejas keberadaan bekalan telur," menurut kenyataan itu pada Ahad.

Pada Sabtu, Singapura telah mengarahkan empat pengimport untuk menarik balik pasaran telur yang dihasilkan daripada sebuah syarikat di Malaysia sebagai langkah berjaga-jaga.

Agensi Makanan Singapura (SFA) dalam laman sesawang mereka menyatakan, arahan itu dibuat berikutan penemuan Salmonella Enteritidis (SE) pada produk terbabit yang boleh menyebabkan penyakit jika makanan itu dimakan secara mentah atau separuh masak.

KPDNHEP turut mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri dan pengeluar ayam dalam negara untuk menjalankan proses pengeluaran bekalan telur.

"Ini bagi menampung risiko gangguan bekalan telur dalam negara sekiranya berlaku," katanya.

KPDNHEP turut menasihati peniaga supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga telur.

Menurutnya, jika peniaga berbuat demikian, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 14(1), Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Mereka juga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 sekiranya suatu perbadanan atau syarikat. Bagi bukan perbadanan atau individu pula, mereka boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya sekali," katanya.

KPDNHEP meminta orang ramai menyalurkan maklumat berkaitan salah laku peniaga yang melanggar undang-undang berkenaan.

"Mereka boleh salurkan maklumat ini melalui portal e-aduan, kpdnhep ataupun aplikasi WhatsApp di talian 019-279 4317," katanya.

TEMPORARY SUSPENSION

FIRM'S EGG EXPORTS TO S'PORE HALTED

Exports from other Malaysian farms to Singapore and supplies for local market unaffected

AMIR MAMAT
AND THARANYA ARUMUGAM
MELAKA
news@nst.com.my

THE Agriculture and Food Industries Ministry, through the Veterinary Services Department (VSD), has issued a temporary suspension order on egg exports from a company in Jeram, Selangor, to Singapore.

Deputy Minister I Daruk Seri Ahmad Hamzan said the order was issued immediately to enable an investigation into the cause of the presence of *Salmonella enteritidis* (SE) bacteria.

"The temporary suspension does not affect the export from other poultry farms in the country to Singapore and supplies for the local market.

"During this period, VSD conducted a visit and sampling to identify the source of the SE bacteria on all farms (poultry and eggs) belonging to the company to ensure that the eggs produced by its farms are safe," he said yesterday.

He said the investigation was aimed at tracing the source of the SE infection, apart from conducting disease investigations, checking vaccination records, egg production and records of disease surveillance programmes at the farms.

Ahmad said environmental



An investigation into the source of the *Salmonella enteritidis* bacteria in eggs is underway. PIC BY FATHIL ASRI

tests for cloacae, animal feed, drinking water and eggs were also conducted.

"There are 10 poultry farms consisting of two pullet farms and eight-layer chicken farms owned by the company, but only one farm, CES 008, exports eggs to Singapore.

"As a result of the meeting with the company today (yesterday), VSD was informed that 100 per

cent of the eggs produced from the CES 008 farm are for export to Singapore.

"The company agreed to implement corrective actions and more frequent monitoring as well as improve biosecurity controls."

"The Singapore Food Agency on Saturday directed several importers to recall these eggs, which have the farm code

re-entry of CES 008 recalled eggs into Malaysia.

The department said there were more than 2,000 species of salmonella and the SE species could cause food poisoning.

"SE, however, can be destroyed by fully cooking the food.

"Symptoms in humans due to SE infection include abdominal pain, diarrhoea, nausea, vomiting and fever."

Singapura sekat import telur daripada sebuah syarikat Malaysia angkara bakteria SE

Larangan jual telur ladang CES 008

PUTRAJAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menga-rahkan telur keluaran salah satu daripada 10 buah ladang milik Lay Hong Bhd. (Lay Hong) iaitu ladang CES 008 tidak dibenarkan dijual di pasaran tempatan seba-gai telur sajian sehingga keputu-san siasatan diperolehi.

DVS dalam satu kenyataan berkata, pihaknya juga tidak membenarkan kemasukan se-mula telur CES 008 ke Malaysia berikutan pengesanan bakteria Salmonella Enteritidis (SE) pada konsaunan telur eksport daripa-da ladang terbabit.

DVS berkata, pengantun-gan telur CES 008 oleh re-publik Singapura baru-baru ini bagaimanapun tidak menjejaskan bekalan pasaran tempatan dan pengeksportan lain-lain la-dang ke republik itu.

Menurutnya, sesi engagement bersama pengurusan syarikat Lay Hong yang dibuat semalam mendapati hanya ladang CES 008 yang mengeksport telur ke Singapura daripada 10 ladang ayam milik syarikat terbabit.

"Pihak syarikat memaklum-kan bahawa 100 peratus telur



PENEMUAN bakteria SE dalam telur di Singapura dikhuatiri akan menyebabkan cirit-birit, sakit perut, demam dan muntah. – GAMBAR HIASAN

keluaran ladang CES 008 ada-lah untuk pasaran eksport ke Singapura.

"Pihak syarikat juga berse-tuju untuk melaksanakan tindakan pembetulan dan pemantauan malam.

lebih kerap dan meningkatkan kawalan biosekuriti," katanya se-malam.

"Kami turut melawat ladang CES 008 di Jeram, Selangor un-tuk mengenal pasti pencemaran SE pada telur selain menyemak rekod pemvaksinan, pengelha-ran telur dan rekod program sur-velan penyakit di ladang.

Sementara itu, Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan, Mohd. Salim Dulati dalam satu kenyataan berkata, sehingga kini, 364 sampel telur ayam telah dianalisis dan hanya dua daripada sampel tersebut ada bakteria SE.

"Bagi elak keracunan ma-kanan disebabkan bakteria ini, pengguna dimasihatkan mencuci telur ayam dengan sempurna se-belum digunakan.

"Pengguna juga dinasihat elak guna telur ayam yang telah retak atau pecah kerana ia mungkin tercemar," jelas KKM.

Sebelum ini, Singapura telah mengarahkan empat pengimpor-t untuk menarik balik dari pasaran telur yang dibawa masuk dari se-buah syarikat di Malaysia.

Arahan itu berikutan pe-memuan bakteria SE pada telur tersebut yang boleh menyebab-kan penyakit jika dimakan.



PEKERJA pembekal telur di Kuala Lumpur memeriksa bekalan telur yang baru sampai dari Pahang. Menurutnya, tiada isu kenaikan harga telur kerana bekalan yang ada berlebihan dan harga turun mendadak menyebabkan pembekal menanggung kerugian.

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menasihati pengguna supaya tidak melakukan pembelian panik telur sehingga mengganggu bekalan di negara ini susulan laporan penarikan balik telur keluaran sebuah syarikat Malaysia daripada pasaran Singapura.

Menurut kenyataan Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, bahagian berkenaan sedang menilai kesan terhadap bekalan telur di negara ini susulan tindakan pihak berkuasa Singapura yang dibuat sebagai langkah berjaga-jaga berikutan dakwaan penemuan bakteria *Somanelle Enteritidis* (SE).

"Fokus tindakan KPDNHEP ialah pemantauan rapi terhadap kedudukan bekalan telur di pasaran susulan daripada isu penemuan itu.

"Pemantauan bekalan ditingkatkan di setiap rantaian pengedaran dan pembejalan telur untuk meng-

Jangan cuba naikkan harga

KPDNHEP beri amaran ekoran langkah Singapura larang penjualan telur dari Malaysia

kesan kawasan dijangka terjejas keberadaan bekalan telur.

"KPDNHEP juga mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri dan pengeluar ayam dalam negara untuk siap siaga menjalankan proses pengeluaran bekalan telur bagi menampung sebarang risiko gangguan bekalan telur dalam negara sekiranya berlaku," menurut kenyataan itu.

Sehubungan itu juga KPDNHEP mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga telur dan mereka yang didapati berbuat demikian

boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 14(1) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Sekiranya disabitkan kesalahan, peniaga boleh dikenakan denda hingga RM500,000 sekiranya suatu perbadanan/syarikat dan bagi bukan perbadanan/individu boleh dikenakan denda hingga RM100,000 atau dipenjarakan hingga tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Di samping itu, KPDNHEP juga meminta pengguna menyahutkannya maklumat berhubung salah laku peniaga melalui talian 1-800-886-800 atau aplikasi

WhatsApp di talian 019-279 4317.

Media semalam melaporkan Singapura mengarahkan empat pengimportnya menarik balik telur keluaran Lay Hong Berhad Layer Farm Jeram di Malaysia daripada pasaran republik itu sebagai langkah berjaga-jaga.

Menurut Agensi Makanan Singapura (SFA), arahan itu dibuat berikutan penemuan bakteria SE pada produk tersebut yang boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan sekiranya produk berkenaan dimakan mentah atau separuh masak. - Bernama

15.03.2021

BERITA HARIAN

NASIONAL

6

JPV larang jual telur dicemari bakteria SE

Arahan gantung serta-merta eksport produk ladang ayam di Jeram

Oleh Rafidah Mat Ruziki, Zanariah Abd Mutalib, Nor Azizah Mokhtar dan Amir Mamat
bbnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), semalam mengeluarkan arahan penjualan telur, sebuah ladang ayam di Jeram, Selangor susulan penemuan bakteria Salmonella Enteritidis (SE) pada produk itu di Singapura.

Larangan penjualan telur dari ladang menggunakan kod CES 008 di pasaran tempatan sebagai telur sejalan itu sehingga keputusan sia-satu diperolehi.

Hanya satu daripada 10 ladang ayam milik syarikat itu di Jeram laitu CES 008 mengeksport telur ke Singapura.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata arahan pengangkutan sementara pengangkutan telur itu dikeluarkan serta-merta bagi membolehkan siasatan punca bakteria SE merembak kepada haiwan ternakan itu dilakukan.

"Pengangkutan sementara itu

tidak menjejaskan pengeksportan ladang ternakan ayam telur lain di negara ini, ke Singapura dan bekalan untuk pasaran tempatan.

"Dalam tempoh itu, JPV membuat lawat siasat dan ujian penyelidikan bakteria SE ke atas semua ladang milik syarikat berkenaan bagi memastikan telur keluaran ladang mereka selamat," katanya ketika dihubungi semalam.

Media kelmarin melaporkan, Singapura mengarahkan empat pengimport menarik balik dari pasaran telur dihasilkan Lay Hong Berhad di Jeram, Selangor sebagai langkah berjaga-jaga.

Ageni Makanan Singapura (SPA) dalam laman sesawang mereka menyatakan, arahan susulan penemuan SE pada produk itu yang boleh menyebabkan penyakit disebabkan makanan jika dimakan secara mentah atau separuh masak.

Difahamkan, semua ladang ayam itu bukan terletak dalam daerah yang sama, selain langkah biosekuriti ladang tidak membenarkan pergerakan keluar masuk pekerja, kenderaan atau haiwan dari ladang lain.

JPV juga melaksanakan program surveilans setiap tahun bagi tujuan penambatan.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, siasatan JPV juga bertujuan membuat daya jejak sumber jangkitan SE, selain berkaitan penyelidikan, semakan rekod perniagaan, pengeluaran telur dan kod program surveilans penyakit di ladang.

"Selain itu, ujian persampelan

membabitkan persekitaran, iaitu ka, makanan ternakan, air minuman dan telur.

"Terhadap 10 ladang ayam di Jeram, Selangor milik syarikat itu, iaitu dua ladang pullet (ayam muda) dan lapan ladang ayam penebur, namun hanya satu ladang laitu CES 008 yang mengeksport telur ke Singapura.

"Hasil pertemuan JPV dengan pengurusan syarikat baru ini (semalam), kami dimaklumkan 10 peratus telur keluaran ladang CES 008 adalah untuk pasaran eksport ke Singapura. Pihak syarikat bersejaja melaksanakan tindakan pembetulan dan pemantauan lebih kerap serta meningkatkan kawalan biosekuriti," katanya.

Sementara itu, JPV dalam satu kenyataan semalam, berkata libat urus antara jabatan itu dengan syarikat terbabit mendapati hanya ladang CES 008 mengeksport 100 peratus telur ke seluruhnya ke Singapura.

"JPV menjalankan lawat siasat ke ladang CES 008 Lay Hong di Jeram, Selangor untuk mengenal pasti punca pencemaran SE pada telur.

"Telur daripada ladang itu hanya untuk penghasilan produk telur yang melalui rawatan haba di kilang pemprosesan syarikat di Kapar dan Meru, Selangor.

"JPV tidak membenarkan kegunaan semua telur ditarik balik CES 008 ke Malaysia. Pengangkutan CES 008 ke Singapura tidak menjejaskan pengeksportan dari ladang lain ke negara itu dan bekalan untuk pasaran tempatan," katanya.



babkan penyakit keracaman makanan, jika produk itu dimakan mentah atau separa masak.

"Bagaimanapun, ia (SE) boleh diminuskasikan dengan cara masak dengan sempurna. Gejala pada manusia akibat jangkitan SE antaranya sakit perut, cirit-birit,

loya, muntah dan demam," katanya.

"Ketanya.

Pada masa sama, JPV turut memulakan melalui Program Survelans Penyakit Haiwan Kebangsaan, Salmonellosis anara penyakit dipantau di semua ladang ayam di negara ini.

"Terhadap lebih 20,000 spesies Salmonella, manakala SE yang dikesan pada telur boleh meny-

Tindakan sekat pasaran bimbangkan pengeluar

Harga telur merudum

Oleh **MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI**
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tindakan Singapura mengarahkan empat pengimport menarik balik pasaran telur dari sebuah ladang di negara ini menyebabkan harganya merudum ekoran wujud kelebihan.

Keadaan itu membimbangkan penternak memandangkan harga telur menjadi terlalu murah pada masa ini ekoran pengeluaran berlebihan dari beberapa ladang pengeluar utama.

Sehubungan itu, Timbalan Pengerusi Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia, **Lee Yoon Yeau** meminta kerajaan campur tangan bagi mengimbangi permintaan dan penawaran dalam kalangan penduduk di negara ini.

"Penggunaan telur dalam kalangan rakyat Malaysia tidak seimbang dengan pengeluaran. Untuk pasaran tempatan, kita hasilkan kira-kira 30 juta sehari dan keperluan adalah kira-kira 26 juta biji.

"Manakala untuk eksport ke Singapura pula lima juta biji.



LEE YOON YEAU

Tindakan menarik balik pasaran menyebabkan ada lebih telur kira-kira dua juta. Jadi, kerajaan perlu campur tangan agar kuantiti pengeluaran ditetapkan dan tidak melebihi keperluan harian," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Singapura sebelum ini mengarahkan empat pengimport menarik balik pasaran telur yang dihasilkan di sebuah ladang di Malaysia sebagai langkah berjaga-jaga.

Arahan itu dibuat berikutan

penemuan *Salmonella Enteritidis* (SE) pada produk berkenaan yang boleh menyebabkan penyakit jika makanan itu dimakan secara mentah atau separuh masak.

Dalam pada itu, Yoon Yeau berkata, beliau tidak dapat memberi jaminan sama ada bekalan telur mencukupi atau tidak pada musim perayaan dan bulan Ramadan nanti sekiranya keadaan itu berterusan.

"Dengan peningkatan harga dedak dan peningkatan kos pengeluaran, kita jangka ada syarikat syarikat kecil dan sederhana (SME) akan tutup nanti.

"Ini menyebabkan pengeluaran telur pada musim perayaan terganggu. Tambahan pula dengan peningkatan kos dedak," jelasnya.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), **Mohd. Yusoff Abdul Rahman** berkata, kerajaan perlu menarik balik semua stok telur dari syarikat terbabit di pasaran tempatan sekiranya terbukti mengandungi bakteria berkenaan.



TANGKAP layar CCTV memaparkan seorang lelaki yang didakwa memanah anjing liar di kawasan Seberang Jalan Putra, Alor Setar, Kedah.

Tindakan kejam panah anjing dikecam

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Tindakan kejam seorang lelaki memanah seekor anjing liar di sini, dikecam netizen selepas video kejadian itu tular dalam media sosial sejak kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Ahmad Shukri Mat Akhir berkata, polis menerima laporan berhubung kejadian itu daripada orang awam yang tidak berpuas hati dengan tindakan tidak berperikemanusiaan tersebut.

Katanya, siasatan awal mendapati kejadian itu berlaku di kawasan Seberang Jalan Putra, dekat sini.

"CCTV (kamera litar tertutup) di kedai berhampiran kawasan itu menunjukkan kejadian tersebut berlaku antara pukul 4.21



ANJING liar yang dipanah seorang lelaki di kawasan Seberang Jalan Putra, Alor Setar, Kedah.

pagi hingga 5.26 pagi, 11 Mac lalu.

"Menerusi rakaman tersebut, didapati seorang lelaki menaiki kereta jenis Proton Waja memegang busur panah dan memanah anjing liar itu," katanya semalam.

Menurut beliau, siasatan turut dijalankan pasukan penyia-

sat dari Jabatan Veterinar Kedah.

"Kes dirujuk ke Jabatan Veterinar dengan kami dimaklumkan pihak terbabit membuka siasatan di bawah Seksyen 29(1) (E) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Polis sedia membantu menangkap suspek sekiranya diminta oleh jabatan tersebut," ujarinya.



KEADAHAN seekor anjing liar yang mati selepas dipanah seorang lelaki di Alor Setar pada Khamis lalu.

Lelaki dirakam panah anjing liar

ALOR SETAR - Tindakan kejam seorang lelaki memanah seekor anjing liar dalam keadaan haiwan tersebut tidak langsung mendatangkan ancaman terhadapnya menjadi tular di media sosial sejak kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Ahmad Shukri Mat Akhir berkata, pihaknya turut menerima laporan berhubung kejadian itu daripada orang awam yang tidak berpuas hati dengan tindakan tidak berperikemamusiaan

tersebut.

Katanya, siasatan awal mendapati kejadian itu berlaku di kawasan Seberang Jalan Putra, dekat sini.

"Televisyen litar tertutup (CCTV) di kedai berhampiran kawasan itu menunjukkan kejadian tersebut berlaku antara pukul 4.21 pagi hingga 5.26 pagi, 11 Mac (Khamis) lalu.

"Menerusi rakaman tersebut didapati seorang lelaki menaiki kereta jenis Proton Waja memegang busur panah dan telah me-

manah anjing liar itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, siasatan turut dijalankan oleh pasukan penyiasat dari Jabatan Veterinar Kedah.

"Kes dirujuk ke jabatan veterinar dengan kami dimaklumkan pihak terbabit akan membuka siasatan di bawah Seksyen 29 (1) (E) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Bagaimanapun, kami sedia membantu untuk menangkap suspek sekiranya diminta oleh jabatan tersebut," ujarnya.

2 daripada 364 sampel dicemari Salmonella Enteritidis

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah menganalisis 364 sampel telur ayam dengan dua daripadanya dicemari bakteria Salmonella Enteritidis (SE).

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan KKM, Mohd Salim Dulatti, berkata telur yang diambil itu adalah sampel peman-tauan dari semasa ke semasa oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di pasaran tempatan.

"KKM mengambil maklum mengenai isu penarikan balik telur ayam keluaran Malaysia dari pasaran Singapura kerana dicemari bakteria SE seperti dilaporkan di laman sesawang Agensi Makanan Singapura (SFA) bertarikh 12 Mac lalu.

"Telur ayam itu mempunyai ce-takan kod CES 008 yang mem-babitkan semua kelompok dari Syarikat Lay Hong Berhad di Je-



Mohd Salim Dulatti

ram, Selangor," katanya dalam sa-tu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Per-khidmatan Veterinar bagi men-jalankan pemeriksaan lanjut ter-hadap syarikat dan telur ayam itu mengenai punca pencemaran SE sehingga menyebabkan pihak berkuasa Singapura mengeluarkan arahan penarikan produk ter-

babit dari pasarnya.

Sementara itu, Ketua Labora-tori Penyelidikan Sains Ha-lal/Perkhidmatan Halal, Institut Penyelidikan Produk Halal, Uni-versiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Nor Ainny Mah-yudin, berkata pengguna perlu memastikan pemilihan dan pe-ngendalian telur yang betul bagi memastikan bakteria seperti SE tidak menjangkiti tubuh badan.

Beliau berkata, dalam kebanya-kan kes pencemaran telur oleh bakteria itu adalah disebabkan pencemaran kulit telur dengan najis ayam.

"Justeru, cara pengesanan me-ngenai kualiti keselamatan telur dengan melihat keadaan luaran-nya sama ada kelihatan najis ayam atau kotoran lain seperti bulu ayam yang masih melekat pada kulit telur itu.

"Pengguna perlu memilih,

membeli telur yang bersih dan tidak kelihatan najis atau kotoran melekat pada kulit. Telur juga perlu dipastikan tidak pecah, re-tak dan perlu diperiksa tarikh luput pada bungkusan telur.

"Ia (telur) juga perlu disimpan pada suhu sejuk (di bawah empat darjah Selsius) dan diletakkan da-lam bekas tertutup bagi meng-elak risiko pencemaran yang da-tang dari kulit telur sebelum di-cuci," katanya kepada *BH* sema-lam.

Nor Ainny yang juga Pensyarah Jabatan Pengurusan dan Khid-mat Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, men-jelaskan kulit telur mempunyai liang yang boleh menyebabkan kemasukan bakteria, justeru ia mempunyai lapisan perlindungan bagi menghalang kemasukan itu.

"Jika kulit telur dicuci, lapisan perlindungan ini akan hilang dan

mudah bagi bakteria untuk me-masuki liang berkenaan.

"Jadi, pencucian kulit terlalu awal sebelum ia digunakan akan memberikan tempoh masa kepada bakteria memasuki telur itu," ka-tanya.

Beliau turut menasihatkan pengguna supaya tidak memakan telur mentah dan perlu dimasak bagi membunuh SE.

"Bakteria ini sensitif kepada ha-ba dan boleh dmatikan melalui suhu sekitar 70 darjah Selsius.

"Bagi penyediaan atau pempro-sesan makanan berasaskan telur, pengguna perlu memastikan telur dimasak dengan sempurna," ka-tanya.

Mengenai simptom dialami in-dividu yang dijangkiti bakteria SE, Nor Ainny berkata antara simp-tom yang biasa dialami adalah cirit-birit, loya, sakit perut dan muntah.

Dua lelaki disyaki panah anjing kena tahan

Alor Setar: Polis semalam menahan dua lelaki yang disyaki membunuh anjing liar dengan memanah haiwan itu di Seberang Jalan Putra di sini, Khamis lalu.

Mereka ditahan secara berasingan pada jam 4 petang dan 5 petang semalam, oleh anggota Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar susulan laporan pengadu kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Ahmad Shukri Mat Akhir, berkata, suspek pertama berusia 30-an ditahan di sebuah kelab golf di Jitra pada jam 4 petang.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati suspek yang menetap di rumah pangsa Seberang Terus, Mergong itu tidak mempunyai rekod jenayah, manakala ujian saringan awal air kencing mendapati bebas daripada dadah.

"Turut dirampas dua busur panah, satu tabung pengisi anak panah berwarna hitam dan 21 anak panah yang ditemui di rumah suspek pertama.

"Suspek ditahan kerana melakukan penganiayaan terhadap haiwan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ahmad Shukri berkata, suspek kedua ditahan jam 5 petang di tepi jalan Kampung Hilir, Kepala Batas, dekat sini.

Beliau berkata, suspek berusia 20-an itu yang berasal dari Bukit Pinang juga didapati bebas daripada dadah dan tidak mempunyai rekod lampau.

"Suspek kedua turut ditahan kerana melakukan penganiayaan terhadap haiwan," katanya.

Report lodged against man who shot and killed dog with an arrow

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

ALOR SETAR: A video of a helpless stray dog hit with a bow and arrow has sparked a public outcry, with police saying investigations are underway.

The video was from a CCTV recording of the incident on Thursday, between 4.21am and 5.26am, in Lorong 3, off Jalan Putra here.

The video clip went viral on social media, leading to an uproar and a police report being lodged. The stray, which peed after being hit, is believed to have died.

A hawker, who wished to be known as Sim, said he watched the


video and decided to lodge a report.

"I had to do something as it was despicable what the man did to the dog. I messaged the person who posted the video and found out that it was a stray dog that was usually in that area. The culprit should be brought to justice!" said Sim.

The Animal Action Team (AAT) also called for the culprit to be arrested, saying his action of killing the stray in that manner was shocking.

"The problem of strays should be addressed by the local authority. We are waiting to see what happens next," it said in a statement.

Kota Setar OCPD Asst Comm Ahmad Shukri Mat Akhri confirmed that a report had been lodged. He



Caught in the act: The suspect shooting the stray with a bow and arrow along Lorong 3, Seberang Jalan Putra, Alor Setar. — Screengrab from video clip

said the video footage showed the man shooting the arrow at the stray.

He said the case had been referred to state Veterinary Services Department and was being investigated under Section 29 (1) (e) of Animal Welfare Act 2015.

ACP Ahmad Shukri said archery gear was classified as an offensive weapon.

Under the Act, the offence is punishable with a fine of RM20,000 to RM100,000 or three years' jail or both, for animal cruelty.

'Monitoring of SE in chicken eggs ongoing'

KUALA LUMPUR: The Health Ministry's Food Safety and Quality Division will work with the Veterinary Services Department to inspect the premises and chicken eggs contaminated with *Salmonella enteritidis* (SE).

The division's senior director, Mohd Salim Dulatti, said the monitoring of SE in chicken eggs had always been ongoing.

"To date, 364 chicken egg samples have been analysed and only two of those samples contain SE," he said yesterday.

Salim said SE was a type of bac-

teria that could be present in the gastrointestinal tract of chickens and might affect eggs through cross-contamination from droppings to egg.

It could also contaminate eggs during the formation of chicken eggs if the SE infection occurred in the reproductive tissues of the livestock, he said.

He said improper handling of chicken eggshells or improperly cooked chicken eggs could lead to food poisoning (*Salmonellosis*), where infected people could develop fever, stomach cramps and

diarrhoea starting 12 to 72 hours after eating contaminated food.

"At-risk groups, such as the elderly, infants and those with immune system disorders, are more likely to develop a more severe course of the disease and require hospital treatment."

To avoid food poisoning due to these bacteria, he said consumers were advised to wash chicken eggs thoroughly before use and avoid using cracked or broken chicken eggs as they might be contaminated with the SE bacteria.

Also, people should cook chicken eggs thoroughly until the yolks and whites of chicken eggs hardened before eating, he said.

"If consumers have doubts about the safety status of food available in the local market, they can make a report to the ministry through a district Health Office or state Health Department."

"Consumers can also check through the Health Ministry website or the Food Safety and Quality Division Facebook at www.facebook.com/btkmhq."



Mohd Salim Dulatti

SELANGOR TO KEEP TABS ON EGGS SUPPLY

SHAH ALAM: The Selangor government will monitor egg producers in response to a decision by Singapore to instruct four importers to recall consignments sold by a company in Kuala Selangor. Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the matter had to be carefully looked into as it involved trade between both countries. "I will look into the matter," he told reporters after opening the Sri Muda Modern Market at Section 25 yesterday. Also present was Shah Alam Mayor Datuk Haris Kasim. Bernama earlier reported that Singapore had instructed four importers to recall eggs supplied by a company in Jeram, Kuala Selangor, in response to the detection of Salmonella Enteritidis in the eggs. On the Sri Muda market, Haris said construction work on the RM28 million building commenced in June 2017 and was completed in December last year. The six-storey market has 219 business lots, a food court, public toilets, prayer rooms, facilities for disabled persons and a three-storey car park. – Bernama

Nafas bantu 5,800 pelajar

Program Jom Ke Sekolah sedia dana RM580,000 untuk anak-anak ahli PPK

Oleh MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memperuntukkan sebanyak RM580,000 untuk membantu 5,800 pelajar dari seluruh negara melalui program Jom Ke Sekolah pada tahun ini.

Ahli Jemaah Pengarahnya, Datuk Dr. Abd Rahman Bakri berkata, sebanyak 279 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara menerima bantuan itu secara berperingkat.

Menurutnya, setakat ini, sebanyak 10 daripada 14 PPK di Selangor sudah menerima bantuan berkenaan yang memperuntukkan sebanyak RM100 seorang.

"Kita akan menjelajah



Rizam (dua dari kiri) sambil diperhatikan Abd Rahman (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyempulan Sumbangan Program Jom Ke Sekolah di Dewan Seri Peladang PPK Bermam Jaya, Sabak Bernam pada Sabtu.

empat lagi PPK di negeri ini untuk meringankan beban ahli PPK yang terjejas susulan pandemik Covid-19," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penyempulan Sumbangan Program Jom Ke Sekolah di Dewan Seri Peladang PPK Bermam Jaya, Bagan Nakhoda Omar di sini pada Sabtu.

Dalam majlis itu, seramai 200 penerima dari Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai

sedia maklum dan memahami kekangan dihadapi sesetengah ahli PPK yang kurang berkemampuan setiap kali tiba musim persekolahan.

"Kami menyarankan ahli PPK yang menghadapi masalah kewangan, daif dan hidup susah serta memerlukan bantuan, bagi meringankan beban," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Air Tawar, Datuk Rizam Ismail berkata, beliau amat mengalu-alukan usaha yang dilakukan Nafas untuk membantu meringankan beban ahli PPK terutama di kawasan luar bandar.

Beliau berkata, sebelum ini program Jom Ke Sekolah anjuran Yayasan Bank Rakyat (YBR) turut dijalankan dengan membabitkan seramai 200 penerima di DUN berkenaan.

"Saya amat berbesar hati jika ada mana-mana syarikat korporat mahu turut sama membantu meringankan beban keluarga berpendapatan rendah menyediakan keperluan barangan kelengkapan persekolahan anak-anak," katanya.

Beri motivasi kepada pelajar untuk kembali ke sekolah," katanya.

Beliau berkata, selain bantuan Jom Ke Sekolah, pihaknya menyempadankan bantuan khas Covid-19 berjumlah RM5,000 kepada setiap PPK seluruh negara.

"Kami turut menyempadankan zakat selain sumbangan lembu korban pada musim perayaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya

Maritim tahan bot tangkap ikan di zon larangan

FOTO: IHSAN MARITIM PERAK

Antara bot nelayan dikesan melakukan tangkapan di zon larangan di Lumut pada Ahad.



LUMUT - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Perak menahan dua bot nelayan kelas C kerana menjalankan aktiviti perikanan dalam jarak kurang 12 batu nautika di sini pada Ahad.

Pengarahnya, Kepten Shahrizan Raman berkata, tangkapan dilakukan semasa rondaan Ops Benteng pada kedudukan lebih kurang 2.5 batu nautika barat Pulau Pangkor sekitar jam 1 pagi.

“Ketika ditahan, kedua-dua bot yang dikendalikan 41 kru termasuk 20 warga Thailand sedang melakukan aktiviti perikanan berhampiran Pulau Pangkor.

“Mereka disyaki telah melakukan kesalahan kerana syarat sah lesen bot kelas C tidak membenarkan aktiviti penangkapan ikan dalam jarak kurang 12 batu nautika dari kawasan yang telah diwartakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia,”

katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati kesemua kru yang ditahan berusia 20 hingga 55 tahun itu mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

“Mereka disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8 (B)(i) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan kurang dari 5 batu nautika.

“Kru dan tekong, dua bot serta 330 kilogram ikan telah ditahan dan dibawa ke Pusat Tahanan Vessel (PTV) Kampung Bharu untuk tindakan lanjut,” katanya.

Shahrizan menasihatkan komuniti nelayan tempatan terutama bot kelas B dan C supaya mematuhi syarat-syarat sah lesen agar tidak menjejaskan sumber pendapatan nelayan pesisir pantai dan nelayan tradisional.

Empat nelayan Myanmar ditahan

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Pulau Pinang menahan empat nelayan warga Myanmar ketika sedang menangkap ikan di Pulau Kendi di sini pada pagi Sabtu.

Pengarahnya, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, bot nelayan milik warga tempatan itu ditahan di kedudukan 28.6 batu nautika barat Pulau Kendi pada jam 9.20 pagi.

Menurutnya, pasukan APMM ketika rondaan rutin dalam Op Benteng Laut dan Op Pertwi dijalankan mengesan

sebuah bot nelayan sedang melakukan aktiviti menangkap ikan di perairan Pulau Pinang. “Pemeriksaan mendapati, bot nelayan tempatan dengan nombor pendaftaran yang sah itu dikendalikan empat kru warga Myanmar termasuk tekong.

“Kesemua mereka yang berusia lingkungan 20 hingga 40 tahun itu gagal mempamerkan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah,” katanya dalam satu kenyataan media pada Ahad.

Beliau berkata, bot dan kesemua yang ditahan dibawa ke pejabat Maritim Pulau Pinang

bagi menjalani ujian saringan Covid-19 oleh petugas Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum diserahkan kepada Pegawai Penyasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut.

“Kes akan disiasat mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen, vesel tidak usaha sendiri dan menggaji kru asing tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

“Kes juga disiasat mengikut Seksyen 6 (1)(c) Akta Imigrasi kerana memasuki Malaysia tanpa memiliki pas yang sah,” katanya.

LKIM awasi, pantau aktiviti di jeti nelayan

ALOR SETAR – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kedah memastikan semua jeti miliknya termasuk yang diselia Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) bebas daripada kegiatan penyeludupan barang larangan.

Pengarahnya, Dr. Abdul Salim Tajudin berkata, penguat kuasa LKIM sentiasa memantau aktiviti yang berlaku di tujuh kompleks

dan 56 jeti pendaratan ikan persatuan nelayan di negeri ini.

"Di jeti-jeti PNK, kita juga ada ketua dikenali sebagai ketua pangkalan atau ketua komuniti untuk melakukan pemantauan secara harian, katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Jelas beliau, setakat ini pihaknya tidak menerima maklumat berkaitan kegiatan penye-

ludupan yang berlaku di jeti-jeti PNK.

Bagaimanapun, beliau mengakui kewujudan jeti-jeti persendirian di perairan negeri ini.

"Pembinaan kompleks berpusat yang menghimpunkan semua aktiviti pendaratan ikan dan barangan membolehkan pengawasan dan penguatkuasaan

dilakukan dengan baik," jelasnya.

Dalam pada itu, Abdul Salim meminta lebih 8,000 nelayan di negeri itu agar tidak terjebak dalam kegiatan penyeludupan barang larangan mahupun PATT.

"Jika ada aktiviti yang mencurigakan, nelayan diminta untuk menyahurkan maklumat terus kepada pihak berkuasa untuk tindakan," tambahnya.



ABDUL SALIM

15.03.2021

HARAKAH

TERENGGANU

H21

Pekebun, Peladang diberikan ilmu pertanian

MARANG: Kerajaan Terengganu berusaha menyedai ilmu kemahiran kepada para pekebun dan peladang di negeri ini, dengan menyediakan kursus-kursus penanaman yang lebih baik dan berkesan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, bagi memajukan Tabung Pertanian Negeri Terengganu 2021, para pekebun dan peladang diberikan kursus kemahirannya.

Katanya, kursus itu diberikan melalui Program Pemantapan Modal Insan di bawah Jabatan Pertanian Negeri Terengganu.

"Ini program yang kita senaraikan dalam kalendar Tahun Pertanian Terengganu 2021. Bukit Jerung, Bukit Gondang, Sungai Serai dan Lubuk Batu ini ialah kawasan nukleus Durian yang dikira terbesar di Terengganu, dengan keluasan kira-kira 2,000 ekar.

"Hari ini, kita fokuskan kepada beberapa ilmu kemahiran yang telah diperturunkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu kepada pekebun-pekebun durian di sini.

"Di antaranya, kursus cantuman anak durian

dan beberapa kemahiran kawalan perosak, demi memastikan hasil durian kita (Terengganu) mencapai pada suatu tahap yang sebalaknya," ujar Dr Azman.

Beliau berkata demikian kepada pembertika pada Program Pemantapan Modal Insan di Puncak Bukit Jerung, Pengkalan Berangan, Marang, baru-baru ini.

Menurutnya, dalam masa yang sama penekanan terus diberikan kepada para pekebun dan peladang agar sentiasa memanfaatkan ilmu dan kemahiran dalam apa jua bidang yang diusahakan.

"Sekarang bukan lagi zaman untuk kita (pekebun) bergantung kepada kekuatan 'tulang empat kerat' sahaja tetapi dalam masa sama, kita perlukan ilmu untuk menghasilkan produktiviti yang terbaik.

"Kita (kerajaan) ambil contoh di kawasan dusun nukleus Bukit Jerung, Bukit Gondang, Sungai Serai dan Lubuk Batu ini yang ber keluasan kira-kira 2,000 ekar. Penghasilan (durian) untuk satu musim kira-kira RM500,000 dan itu dikira terlalu sedikit.

"Ini berbanding dengan tanaman Durian Mursang King. Tanam satu ekar dalam 30 batang pokok boleh menghasilkan le-



Zulkifli (kiri) menyampaikan cenderahati berupa anak pokok durian kepada Dr Azman.



Timbalan Pengarah Pertanian, Zulkifli (kiri) bersama Dr Azman melihat tanaman durian di Bukit Jerung, Marang.

Timbalan Pengarah Pertanian, Zulkifli Armin Yusoff (tengah) mengalar cara melihat kesuburan tanah dan disaksikan Dr Azman (kiri).

bih RM300,000 untuk satu musim. Tanam dua ekar sudah menyamai hasil 2,000 ekar di tempat kita ini.

"Program Pemantapan Modal Insan ini sebahagian daripada keperluan dan tidak ada gunanya kita (kerajaan) belanjakan buat projek menggunakan infrastruktur, dalam masa yang sama kemahiran rakyat kita tidak dipertingkatkan selaras dengan keperluan semasa," tegasnya.

Justeru, katanya kerajaan negeri sentiasa membentangkan galakan dan penekanan agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya ilmu ini.



Khandee meneliti padi pulut yang akan menjadi produk signatur Pulau Langkawi yang dikenali sebagai Pulut Legenda.



Khandee (kanan) mendengar penerangan tentang padi pulut yang disampaikan oleh pegawai PPK Langkawi.

Pulut Legenda produk baharu Langkawi

Diusahakan ahli PPK Langkawi

ROSHILA MURNI ROSLI

LANGKAWI

Tanaman padi pulut yang diusahakan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi akan menjadi produk signatur khusus dikenali sebagai Pulut Legenda.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, projek tanaman beras pulut itu mula dilaksanakan pada tahun 2019 di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan kerjasama jabatan dan agensi di bawah MAFI.

Katanya, kerajaan memperuntukkan RM20.5 juta bagi melaksanakan penanaman padi pulut seluas 541.58 hektar melibatkan lapan kawasan bermula musim 1/2021.

"Projek disertai seramai 326 peserta. Setakat ini, projek ini mencatatkan peningkatan iaitu daripada 1.55 tan sehektar pada tahun 2019 (musim pertama) kepada 3.89 tan sehektar pada musim lalu (musim 2/2020).

"Ya secara tidak langsung membantu petani meningkatkan pendapatan mereka melalui tanaman ini," katanya ketika ditemui pada program MAFI Prihatin dan Pelancaran Pulut Legenda di PPK Langkawi di sini

Sabtu lalu.

Menurutnya, beliau berhasrat untuk menjayakan projek padi pulut di pulau itu dan akan berusaha memenuhi keperluan dan infrastruktur yang diperlukan.

"Kita nak lihat projek ini berjaya.

Kita akan cuba memenuhi keperluan dengan mewujudkan kilang memproses padi di Langkawi seperti yang dipohon oleh PPK selain menambak baik sistem pengairan di sini," katanya.

Pada majlis sama, Khandee turut menyampaikan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi bernilai RM179,282 kepada 107 petani yang terlibat dengan banjir, ribut dan kemarau antara November 2019 hingga Oktober tahun lalu.

Sementara itu, seorang petani, Mohd



MOHD ZUKI

Khandee (tiga dari kanan) meninjau peralatan dan mesin yang digunakan dalam proses penanaman padi pulut.

Zuki Ramli, 59, berkata, penglibatannya dalam penanaman padi pulut ini membantu meningkatkan taraf hidup keluarganya.

"Saya sebelum ini terlibat dalam pertanian padi biasa tetapi selepas beralih ke tanaman padi pulut pendapatan saya meningkat dengan agak ketara.

"Paling banyak pada musim lalu apabila berjaya mendapat hasil sebanyak 22 tan membabitkan keluasan kira-kira tiga hektar sawah," katanya.

Mohd Zuki turut berterima kasih

kepada semua agensi terlibat terutamanya PPK Langkawi, Jabatan Pertanian dan MARDI yang sentiasa memberi kerjasama kepada para petani.

"Mereka memainkan peranan yang sangat besar dalam membantu kami meningkatkan hasil tanaman.

"Setiap agensi akan berjumpa petani untuk bertanya masalah kami dan berusaha menyelesaikannya.

"Mereka tidak mengabaikan kami. Saya harap Pulut Legenda yang diperkenalkan ini dapat menarik lebih ramai pelancong ke pulau ini," katanya.



Khandee (tiga dari kiri) selepas menyempurnakan gimik pelancaran jenama beras pulut iaitu Pulut Legenda.



Orkid hibrid sempena nama Raja Perempuan Perlis

INSTITUT Penyelidikan dan Keajaiban Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan orkid hibrid baharu yang mengabadikan nama Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Dinamakan *Dendrobium Tuanku Fauziah*, orkid hibrid tersebut sangat istimewa dan mempunyai kesukan tersendiri, hasil penyelidikan selama empat tahun lapan bulan oleh agensi penyelidikan pertanian tersebut.

Pelancaran nama tersebut, disempurnakan sendiri oleh Tuanku Tengku Fauziah di Mes Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kangar, Perlis baru-baru ini.

Keberangkatan tiba baginda, disambut oleh Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd Noor.

Berangkat sama, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang turut diringi anakanda-anakanda baginda berduo, Puteri Sharifah Khatreena Nuraniyah serta Puteri Sharifah Farah Adriana.

■ TUANKU Tengku Fauziah (kiri) pada majlis pelancaran nama orkid hibrid baharu di Mes Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kangar, Perlis baru-baru ini.

Agrobank perkenal jadual kerja fleksibel

Kuala Lumpur: Agrobank mula menerapkan prinsip pemerksaan wanita dengan memperkenalkan beberapa amalan baharu di tempat kerja yang akan dilaksanakan secara berperingkat di samping terus berusaha untuk memperkenalkan inisiatif baharu khusus untuk usahawan wanita.

Penanggung Tugas Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, sesebuah organisasi dan majikan harus memainkan peranan dengan mewujudkan peluang pertumbuhan kerja bagi pekerja wanita tanpa mereka perlu memikrkan mengenai urusan anak-anak dan keluarga dengan membenarkan pengaturan kerja fleksibel dan amalan mesra keluarga, yang mampu meningkatkan produktiviti organisasi.

"Agrobank mengamalkan pelaksanaan jadual kerja fleksibel dengan membenarkan pekerjaanya untuk masuk ke pejabat antara jam 8 pagi dan jam 10 pagi sejak tahun 2020 sebaik penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan oleh kerajaan.

"Kami dapati langkah ini memberi ruang pengurusan masa yang lebih selesa kepada pekerja berkeluarga, khususnya wanita, supaya apabila mereka sampai di pejabat, mereka tidak perlu lagi memikrkan urusan berkaitan

anak dan keluarga," katanya.

Menurutnya, Agrobank mempunyai kepelbagaian komposisi lelaki dan wanita dalam tenaga kerja dan sudah mempraktikkan prinsip pemerksaan wanita di peringkat penguurusan tertinggi Bank di mana empat daripada 10 jawatan peringkat penguurusan tertinggi dipegang oleh wanita.

"Di peringkat ahli lembaga, peratusan lembaga pengarah wanita adalah lebih sedikit 40 peratus dengan tiga daripada tujuh orang ahli lembaga pengarah terdiri daripada golongan wanita pada ketika ini," katanya dalam kenyataannya.

Menurutnya, Agrobank dimandatkan oleh kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan bagi semua aspek komuniti berkaitan sektor pertanian, dengan penawaran produk dan perkhidmatan yang dibangunkan khusus untuk manfaat golongan wanita.

"Agrobank melancarkan produk Agro Farah-i, produk eksklusif buat wanita yang menerapkan elemen hibah dikongsikan bersama setiap akaun yang ditandakan di bawah pemilik akaun Agro Farah-i, seperti akaun suami atau anak.

"Kami mempunyai produk mikro kredit Agro Nisaa'-i untuk kemudahan usahawan wanita yang memerlukan pembiayaan tambahan dalam meluaskan perniagaan mereka," katanya.

Tenaga kerja Agrobank mempunyai kepelbagaian komposisi lelaki dan wanita

Kelantan aid for 60 sugarcane farmers

KOTA BARU: Sixty sugarcane farmers in Kelantan yesterday received aid totalling RM60,000 to ease the losses they incurred due to the Covid-19 pandemic. The farmers received the aid from the state government at the Darul Naim complex here. State Agriculture, Agro-based Industry, Biotechnology, Green Technology and Environment Committee chairman Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, who presented the aid, said the state government allocated RM60,000 to ease the farmers' burden. "Each farmer has been planting sugarcane on a 0.4ha plot. They have suffered thousands of ringgit in losses. They will receive aid of between RM500 and RM2,000 each, depending on the size of the land on which they cultivate sugarcane."

Kos penjagaan cecah RM12 sekilogram untuk hasilkan buah bermutu tinggi

Mengapa harumanis mahal ?

Oleh MOHD.HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@medianmuka.com.my

KANGAR: Setiap kali tiba musim memelam harumanis di Perlis, antara isu yang sering diperdebatkan orang ramai khususnya dari luar negeri ini adalah berkaitan harga yang dikatakan terlalu tinggi.

Berikutan itu, khususnya di media-media sosial, timbul pelbagai ungkapan kononnya harga harumanis Perlis 'cekik darah', 'harga Yahudi' dan pelbagai lagi perkataan sinis lain.

Bagaimanapun, itu langsung tidak menjejaskan permintaan terhadap harumanis setiap tahun yang sentiasa menunjukkan peningkatan.

Harga pasaran memelam harumanis adalah sekitar RM35 hingga RM40 sekilogram dengan musim ini dijangka hasil sudah boleh dituai pada pertengahan April hingga Julai ini.

Namun, ramai yang tidak tahu proses penjagaan dan penyelenggaraan pokok harumanis sebenarnya bukan mudah selain menelan kos cukup



SEORANG pengusaha merunjukkan antara bunga harumanis yang rosak di kebunnya di Simpang Empat, Arau, Perlis.

tinggi bagi menghasilkan buah berkualiti seterusnya menjamin kepuasan para pembeli.

Harumanis memerlukan penjagaan sepanjang tahun dengan kos ladang dikatakan sangat tinggi iaitu bagi sekilogram buah tersebut dianggarkan

menelan belanja sekitar RM10 hingga RM12.

Bagi setiap penjagaan 100 pokok harumanis yang dianggarkan boleh menghasilkan 1,000 kilogram buah berkenaan pula dikatakan menelan kos sehingga RM12,000.

Jadi tidak hairanlah apabila pembeli perlu mengeluarkan perbelanjaan lebih untuk se-tahun sekali bagi menikmati keenakan buah yang menjadi ikon negeri Perlis itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan

Pengusaha Harumanis negeri, Datuk Hashim Suboh berkata, penjagaan harumanis bukan mudah selain memerlukan ketelitian dan pemantauan sepanjang tahun.

Katanya, harumanis melibatkan dua komponen iaitu harum dan manis sekali gus memudahkan serangan serangga perosak terutama lalat buah, ulat batang dan pelbagai lagi jenis serangan lain yang memerlukan penjagaan rapi sebelum menghasilkan buah.

"Harumanis terpaksa dijaga sepanjang tahun menyebabkan kos ladang tinggi. Kos penjagaan bagi perkilogram buah antara RM10 hingga RM12. Malah, margin keuntungan bagi sekilogram pula sekitar RM6 sehingga RM8 bagi harga ladang iaitu sekitar RM18 hingga RM20 sekilogram.

"Jika pengusaha menghasilkan 1,000 kilogram harumanis bagi setiap 100 pokok satu musim, margin keuntungan hanya sekitar RM8,000 dengan pengusaha pula perlu menjaga tanaman tersebut sepanjang tahun," katanya.

Tak sesuai untuk kencing manis

ARAU: Bagi penghidap penyakit kencing manis kronik dengan bacaan paras gula dalam darah mencecah 30 dan ke atas tidak digalakkan makan harumanis yang mempunyai kandungan gula tinggi.

Mereka yang mempunyai bacaan paras gula dalam darah antara 18 dan ke bawah pula hanya disyorkan makan sekitar dua hiris buah berkenaan sekali makan.

Sebagai rekod, bacaan brix kemanisan memelam harumanis boleh mencecah sehingga 25-26.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia Universiti Malaysia Perlis (Uni-map), Dr. Noor Shaziliana Alzee Abidin berkata, meskipun harumanis mempunyai kandungan gula yang tinggi, fungsi serat di dalam memelam tersebut mampu memperlambatkan pengeluaran gula buah berkenaan di dalam darah secara berlahan-lahan.

"Bagi mereka yang sudah



BUAH memelam harumanis yang merunggu masa untuk dituai di sebuah kebun di Kangar, Perlis.

ada kencing manis tidak sesuai makan dalam kuantiti yang banyak, sekitar dua hirisan sahaja sekali makan.

"Bagi mereka yang normal pula, sesuai ambil sebiji sekali makan kerana boleh memberi tenaga, khasiat, serat dan mineral semula jadi. Yang mengalami

masalah kencing manis di tahap bacaan paras gula dalam darah sehingga 30 dan ke atas tidak digalakkan makan," katanya.

Sementara itu, Noor Shaziliana memberitahu, harumanis Perlis juga mempunyai banyak khasiat selain kaya dengan vitamin dalam buah berkenaan.

Khidmat kurier khas hantar 'ikon Perlis'

KANGAR: Sebanyak 24 lokasi dikenal pasti sebagai tempat pengumpulan harumanis sebelum dihantar ke luar negeri ini menjelang musim buah yang menjadi ikon Perlis itu; bulan depan.

Pengerusi Jawatan kuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaacob memberitahu, kerajaan negeri menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memastikan perjalanan penghantaran buah berkenaan berjalan lancar melalui kerjasama empat syarikat perkhidmatan kurier.

Katanya, dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu ketika musim harumanis, ramai pengusaha menggunakan perkhidmatan kurier disebabkan tidak boleh merentas negeri.

"Bagaimanapun, wujud masalah ketika itu yang mana

pusat perkhidmatan kurier dipenuhi dengan lambakan harumanis yang sedia untuk dihantar ke luar Perlis sehingga ada buah-buahan menjadi busuk dan tidak boleh dimakan kerana terlalu lama berada di pusat perkhidmatan kurier," katanya.

Tambahnya, kerjasama syarikat perkhidmatan kurier tersebut bakal memudahkan proses penghantaran dan lebih efisien.

"Lokasi ini diletakkan di tempat strategik di beberapa kawasan di sekitar Kangar, Arau dan Padang Besar termasuk pejabat FAMA negeri serta pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan.

"Mangga harumanis terus dibawa oleh lori perkhidmatan kurier khas ke destinasi ditetapkan oleh pengusaha itu sendiri tanpa bercampur dengan bungkusan atau barangan lain," katanya.

Anggaran nilai kerugian RM1.2 juta sebulan

20 tan lambakan strawberi seminggu

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamuka.com.my

CAMERON HIGHLANDS: Dianggarkan dalam seminggu kira-kira 20 tan metrik strawberi mengalami lambakan di pusat peranginan tanah tinggi di Cameron Highlands di sini.

Difahamkan, lambakan itu membabitkan kira-kira 20 pengusaha buah berkenaan yang berlaku ekoran ketiadaan pengunjung ke situ akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sebuah ladang strawberi di pusat peranginan itu mendapati, ada buah yang busuk di atas pokok dan masak ranum kerana tidak dapat dikutip oleh pengusaha.

Situasi sedemikian berlaku kerana strawberi yang disimpan terlalu banyak menyebabkan peti simpanan dingin yang dimiliki pengusaha penuh.

Utusan Malaysia juga difahamkan, ketika pelaksanaan PKP 1.0 lalu, terdapat pengusaha strawberi yang terpaksa membuang kira-kira tujuh hing-

ga lapan tan metrik buah berkenaan kerana rosak dan busuk.

Ia sekali gus membawa kerugian kepada pengusahanya yang mana secara kebiasaannya strawberi dijual antara RM20,000 ke RM30,000 satu tan metrik.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd. Rahman Syed Abd. Rashid berkata, ketika ini beliau tidak tahu bagaimana untuk menyimpan sebahagian besar tuai buah miliknya kerana kekurangan peti simpanan dingin.

Jelasnya, beliau mempunyai 1.2 hektar ladang strawberi dan kutipan seminggu buah itu adalah tiga tan metrik yang mana dapat dijual kira-kira 800 kilogram sahaja.

"Stok simpanan strawberi sejuk beku saya ketika ini dua tan metrik, peti semua sudah penuh, buah masih banyak atas pokok dan saya kena cari tempat simpan."

"Jika berterusan dua minggu lagi dengan ketiadaan pengunjung ke sini, mungkin ramai daripada kami (pengusaha

strawberi) berdepan masalah.

"Saya sendiri sekarang pun menghadapi masalah bayaran gaji pekerja, utiliti dan pinjaman bank," katanya semalam.

Mengulas lanjut tentang lambakan itu, Syed Abd. Rahman berkata, rata-rata pengusaha di sini, terpaksa memikirkan usaha menjadikannya produk hiliran seperti jem, kordial dan aiskrim supaya strawberi tidak terbuang bagi mengelakkan kerugian berterusan.

Berhubung kerugian, beliau berkata, untuk buah strawberi segar, anggaran kerugian dialaminya adalah kira-kira empat tan metrik setiap bulan yang membabitkan nilai keseluruhan RM60,000.

"Jika membabitkan 20 pengusaha, anggaran kerugian buah segar membabitkan 80 tan metrik sebulan dengan nilai keseluruhannya berjumlah RM1.2 juta.

"Anggaran itu membabitkan harga RM15,000 satu tan metrik pada ketika ini, secara kebiasaannya kami jual antara RM20,000 ke RM30,000 satu tan metrik," katanya.



SEORANG pekerja melihat strawberi sejuk beku yang penuh dalam peti simpanan dingin di Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF



PEKERJA ladang di Tanah Rata, Cameron Highland, Pahang menunjukkan buah strawberi yang dikeluarkan di kawasan berkenaan. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

Hanya 'lalat' masuk ke AP

CAMERON HIGHLANDS: Sebanyak 15 pusat agropelancongan (AP) yang menjual produk hiliran berasaskan strawberi mengalami kerugian akibat ketiadaan pelancong ke pusat peranginan tanah tinggi itu kerana aktiviti rentas negeri tidak dibenarkan.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd. Rahman Syed Abd. Rashid berkata, setiap minggu, rata-rata AP mampu memperoleh RM2,000 ke RM10,000 menerusi jualan produk hiliran berasaskan strawberi seperti jem, kordial dan aiskrim.

Namun ketika ini, katanya, akibat ketiadaan aktiviti pelancongan, AP terutama lapan buah di Kampung Taman Sedia di sini tetap dibuka, bagaimanapun suasananya sepi tanpa kehadiran pelancong.

"Selain produk hiliran, AP di sini juga menyediakan perkhidmatan inap desa, ia juga sepi.

"Jika keadaan ini (ketiadaan pelancong) berterusan, ia pastinya memberi masalah cukup besar kepada AP di sini terutama pengusaha Melayu di Kampung Taman Sedia," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, pemilik KHM Strawberries & Jam di Kampung Taman Sedia, Khairani Mohd. berkata, AP di kampung itu langang tanpa kehadiran pelancong sejak PKP dilaksanakan ekoran penularan Covid-19.

Jelasnya, perniagaan tetap perlu dibuka setiap hari namun 'pelanggannya' adalah 'lalat'.

"Inilah nasib AP di sini, perbelanjaan bulanan antara RM30,000 ke RM50,000 ter-

masuk untuk membayar gaji pekerja. Bagaimana hendak bertahan jika aktiviti rentas negeri masih tidak dibenarkan?"

"Saya sebagai contoh, ketika PKP 1.0, kerugian RM250,000, gaji pekerja tetap kena bayar," katanya.

Mengulas kebenaran rentas negeri untuk kegiatan pelancongan, beliau berkata, kebenaran itu tidak membantu pengusaha AP di Kampung Taman Sedia.

"Tidak akan ada bas-bas pelancongan yang masuk ke sini. Yang ada pun rombongan 'Cik Kiah' dan orang-orang kampung."

"Ini kerana agensi yang membawa mereka lebih tertumpu kepada hotel-hotel besar yang ada di sini, ia tidak membantu. Apa yang terbaik kerajaan perlu membenarkan aktiviti rentas negeri," katanya.